

**Teks Ucapan YBhg. Dato' Pengerusi ST
Mesyuarat Pertama Panel Perunding Tenaga Negeri Sabah
pada 29 Oktober 2015 di Kota Kinabalu Sabah.**

السّلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia

Terima Kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis,

Yang Berhormat Dato' Seri Panglima Dr Maximus Johnity Ongkili
Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air,

YBhg. Dato' Dr. Nadzri Yahaya

Timbalan Ketua Setiausaha (Tenaga & Teknologi Hijau)
Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air

YBhg. Datuk Ir Ahmad Fauzi Hasan
Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Tenaga

Semua Ahli –ahli Suruhanjaya

Setiausaha Tetap dari Kementerian-Kementerian Negeri Sabah

Ketua-Ketua Jabatan dan Ketua-Ketua Agensi

Ahli-ahli Panel Perundingan Tenaga Negeri Sabah

Dato'/Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian.

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah SWT kerana dengan izinNya dapat kita hadir pada hari ini di Kota Kinabalu, sempena Mesyuarat Pertama Panel Perundingan Tenaga bagi Negeri Sabah (PPTNS). Setinggi-tinggi terima kasih diucapkan kepada YB Menteri kerana sedia meluangkan masa beliau walaupun sibuk untuk menghadiri majlis ini. Ini memperlihatkan perhatian yang serius diberikan oleh YB Menteri dalam usaha mempertingkatkan kesabilan tenaga di Negeri Sabah. Setinggi-tinggi terima kasih juga diucapkan

kepada Dato'/Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan ahli-ahli panel PPTNS yang sedia hadir pada hari ini.

Untuk makluman YB Menteri, idea mengada Panel Perunding Tenaga bagi Negeri Sabah ini dibangkitkan semasa mesyuarat Panel Perunding Tenaga di Kuala Lumpur oleh seorang ahli dari Sabah yang merasakan kaedah berkongsi maklumat tenaga dalam satu forum yang melibatkan jabatan-jabatan, agensi-agensi berkepentingan, NGO dan persatuan-persatuan berkaitan sangat bermakna dan wajar diadakan untuk Negeri Sabah.

Penubuhan Panel Perunding Tenaga Negeri Sabah (PPTNS) adalah bertujuan untuk membolehkan pihak agensi kerajaan, industri dan pengguna yang berkaitan untuk berkongsi maklumat dan pandangan mereka mengenai status perkembangan semasa sektor tenaga di Negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Selain itu, penganjuran mesyuarat ini diharap dapat menjadi platform kepada ahli-ahli PPTNS untuk menyumbang idea, cadangan-cadangan yang dirasakan berpotensi untuk dilaksanakan demi untuk

meningkatkan prestasi sektor tenaga di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

YB Menteri, Dato'/Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian,

Bersempena mesyuarat PPTNS yang pertama ini, empat sesi pembentangan telah disediakan, iaitu daripada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Sabah Electricity Sdn. Bhd, Sabah Energy Corporation Sdn. Bhd dan Suruhanjaya Tenaga. Perbentangan adalah berkaitan status pembekalan elektrik dan gas di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan

termasuk inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan bagi meningkatkan lagi prestasi pembekalan tenaga di sini.

Empat tajuk pembentang tersebut adalah seperti berikut:

- **Tajuk :**

Status Dan Inisiatif Peningkatan Prestasi Pembekalan Elektrik di Sabah & WP Labuan
(Pembentangan oleh Sabah Electricity Sdn. Bhd)

- **Tajuk :**

Inisiatif Kerajaan bagi Meningkatkan Prestasi Sistem Pembekalan Elektrik Di Sabah & WP Labuan

(Pembentangan oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air)

- **Tajuk :**

Status Pembekalan Gas Asli di Sabah & WP Labuan
(Pembentangan oleh Sabah Energy Corporation Sdn.
Bhd)

- **Tajuk :**

Inisiatif Kawal Selia Bagi Meningkatkan Prestasi Sistem
Pembekalan Elektrik di Sabah & WP Labuan
(Pembentangan oleh Suruhanjaya Tenaga)

Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan ucapan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada YB Menteri, Dato'/Datuk, Tuan-tuan dan puan-puan yang telah menghadiri mesyuarat hari ini. Semoga mesyuarat hari ini terlaksana dengan sempurna dan mencapai matlamatnya.

Sekian, terima kasih.